



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### 234 USAHAWAN MUDA TERIMA TAWARAN RUANG NIAGA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 15 November** - Keprihatinan Kerajaan untuk membantu golongan belia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 terus menjadi keutamaan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi pelbagai kemudahan dan insentif yang disediakan kepada golongan itu. Kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka peluang kepada warga kota untuk menjadi usahawan melalui sektor perniagaan secara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerusi Program Usahawan Anak Muda Wilayah Persekutuan. Di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin, sebanyak 1,026 ruang perniagaan (*kiosk*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disediakan yang meliputi pelbagai lokasi strategik di sekitar ibu kota.

234 usahawan muda yang terpilih menerima tawaran ruang perniagaan untuk memulakan perniagaan mereka di ibu kota mulai November 2020. Ruang perniagaan yang ditawarkan terdiri dari *kiosk* atau tapak niaga di lokasi-lokasi yang strategik bagi membantu barisan usahawan muda ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan dan keuntungan bagi perniagaan yang baru dimulakan. Lokasi *kiosk* dan tapak perniagaan bagi fasa ini adalah meliputi 11 ruang niaga *kiosk* di kawasan River of Life (ROL), 16 tapak perniagaan untuk trak makanan, 100 ruang niaga di Berjaya Times Square dan 107 ruang perniagaan di hentian bas dan teksi sekitar Kuala Lumpur. Dianggarkan seramai 792 lagi usahawan muda bakal menerima tawaran ruang niaga pada awal tahun 2021. Peluang perniagaan ini adalah sangat *valuable* dan menjadi platform kepada anak muda yang baru menceburkan diri dalam bidang perniagaan untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Bagi lokasi *kiosk* di kawasan hentian bas dan teksi; DBKL akan memastikan setiap lokasi mempunyai ruang bebas halangan (*buffer area*) 1.5 meter lebar paling minimum bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan memberi laluan kepada pengguna terutamanya orang kurang upaya. Usahawan belia yang ditawarkan *kiosk* di kawasan ROL bakal menikmati potongan kadar sewaan sebanyak 50% pada tahun pertama penyewaan.

Usahawan belia WP Kuala Lumpur yang terpilih daripada 557 permohonan yang diterima sejak Mac hingga Oktober 2020 ini diputuskan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan pada 21 September 2020. Keutamaan diberikan kepada mereka yang terjejas dan hilang pekerjaan akibat COVID-19 serta belia yang berusia 18 hingga 35 tahun. Selain itu, pemohon yang mempunyai pengalaman perniagaan juga dinilai sebagai satu kelebihan.

Pihak kerajaan sentiasa mengambil kira keperluan golongan belia yang turut terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membendung penularan pandemik COVID-19 selain melahirkan lebih ramai usahawan anak muda di lokasi tumpuan strategik sekitar ibu kota. Ini selaras dengan dasar Wilayah Persekutuan Bebas Berniaga bermula 15 November 2020 selama 6 bulan yang dapat merangsang ekonomi negara melalui aktiviti keusahawanan dan memberi kelangsungan kehidupan khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan.

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**